



Agong, Raja Permaisuri berkenan lancar setem, syiling khas 100 tahun UPSI

Oleh Rosman Shamsudin - Disember 1, 2022 @ 10:55pm
bhnews@bh.com.my



Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan melancarkan setem kenang-kenangan dan syiling edisi khas sempena sambutan 100 tahun UPSI. - Foto BERNAMA

TANJUNG MALIM: Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, berkenaan mencemar duli berangkat ke Sambutan 100 Tahun Empat Era Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), malam ini.

Majlis Makan Malam 'Seluhur Budi Sekalung Kasih' itu dianjurkan sempena Sambutan 100 Tahun UPSI, bermula dari era Sultan Idris Training College (SITC), yang ditubuhkan pada pada 29 November 1922.

Ia kemudian kepada Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), diikuti Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) dan akhirnya, dinaik taraf kepada UPSI pada 1 Mei 1997.

Pada majlis itu, Seri Paduka berdua juga berkenaan melancarkan setem kenang-kenangan 100 tahun UPSI, yang dihasilkan dengan kerjasama POS Malaysia serta syiling edisi khas, dengan kerjasama Bank Negara Malaysia.

Turut berkenan berangkat, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Yang turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan isteri, Datin Seri Aezer Zubin; Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Seri Abdul Razak Jaafar.

Selain itu, Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI, Datuk Seri Rohani Parkash Abdullah dan Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff.

Sementara itu, Md Amin dalam ucapannya berkata, UPSI kini berada pada penarafan 182 institusi pengajian terbaik di Asia dan ke-43 terbaik di Asia Tenggara.

Katanya, UPSI juga kini menjadi peneraju inisiatif pendidikan baharu melalui pengwujudan Perpustakaan Digital, Bandar Sukan, UPSI Adventure Park, Pusat Data dan Perkembangan Kanak-Kanak Negara dan Institut Peradaban Melayu.

"UPSI juga diberi amanah menubuhkan Pusat Bahasa dan Kebudayaan Melayu di Uzbekistan, London, Russia serta Emiriah Arab Bersatu (UAE)," katanya.

Beliau berkata, sejarah UPSI yang panjang membabitkan empat era juga berjaya melahirkan ramai tokoh kepemimpinan, kebahasaan, kesusasteraan, keusahawanan, kesukanan dan kesukarelawan, yang mengharumkan nama UPSI.

Katanya, sejak era UPSI pada tahun 1997, UPSI melahirkan lebih 200,000 graduan, dikenali sebagai Anak Kandung Suluh Budiman (AKSB), yang banyak menabur bakti dan jasa kepada negara.

"Dalam tempoh lima tahun akan datang, UPSI berhasrat untuk muncul antara 100 terbaik di dunia dalam bidang pendidikan," katanya.